

BAHAGIAN A (40 markah)

Jawab **SEMUA** soalan pada kertas saranan jawapan yang disediakan.

1. Antara petunjuk bagi bilik darjah yang diurus dengan baik dan berkesan ialah
 - A. pelajar tidak teragak-agak untuk menyoal apa yang mereka tidak fahami
 - B. pelajar sangat berminat untuk menyelesaikan tugas secara individu
 - C. pelajar kerap tidak berpuashati dengan penilaian yang dibuat oleh guru
 - D. pelajar tidak sabar menantikan arahan-arahan daripada guru untuk aktiviti seterusnya

2. Manakah antara berikut **TIDAK** berkaitan dengan peranan guru sebagai pengajar di dalam bilik darjah ?
 - A. Menyelesaikan masalah pelajar
 - B. Menggalakkan tingkah laku koperatif
 - C. Memberikan yang terbaik pada setiap masa
 - D. Memupuk rasa hormat, kekitaan dan kepedulian

3. Satu teknik pengurusan pengajaran dan pembelajaran bilik darjah yang berkesan bagi menggalakkan pelajar berkongsi idea dan pendapat tentang sesuatu perkara ialah
 - A. inkuiri
 - B. bengkel
 - C. soaljawab
 - D. sumbangsaran

4. Tindakan guru sebelum pertama kali menjalankan aktiviti kumpulan dalam bilik darjah supaya pelaksanaan aktiviti menjadi lebih licin dan berkesan ialah
 - A. menghafal nama pelajar
 - B. meneliti rekod prestasi pelajar
 - C. berbincang dengan ketua panitia mata pelajaran
 - D. mewujudkan hubungan yang baik dengan pelajar

5. Yang manakah adalah berkaitan dengan aktiviti sumbangsaran dan kumpulan Buzz yang dilaksanakan dalam bilik darjah ?

- I Teknik pengajaran secara spontan
- II Pelajar perlu senaraikan idea-idea
- III Berbentuk formal
- IV Dapat mencungkil pengetahuan pelajar

- A. I, II dan III sahaja
- B. I, II dan IV sahaja
- C. II, III dan IV sahaja
- D. I, II, III dan IV

6. Pilih pernyataan yang **TIDAK** benar mengenai intervensi guru dalam kerja kumpulan.

- A. Tindakan pantas guru adalah perlu supaya objektif pengajaran dan pembelajaran dapat dicapai
- B. Tindakan lambat akan menjejaskan kelicinan pelaksanaan tugas
- C. Pelajar dapat merasakan guru mengambil berat tentang kumpulan mereka
- D. Agihan semula ahli-ahli kumpulan perlu supaya masalah dapat diselesaikan

7. Teknik sumbangsaran akan lebih berkesan sekiranya

- I guru mengenali pelajarannya
- II pelajar adalah *responsive*
- III pelajar berminat belajar
- IV pelajar menyukai guru

- A. I dan II sahaja
- B. II dan IV sahaja
- C. I, II dan III sahaja
- D. II, III dan IV sahaja

8. Ciri-ciri Bilik Darjah Terbuka termasuklah

- I penekanan diberikan kepada kaedah penyelesaian masalah
- II penekanan diberikan kepada kaedah inkuiri penemuan
- III pelajar dikategorikan mengikut gred dalam peperiksaan
- IV aktiviti pelajar mengikut jadual mereka sendiri

- A. I, II dan III sahaja
- B. I, II dan IV sahaja
- C. I, III dan IV sahaja
- D. II, III dan IV sahaja

9. Antara ciri-ciri bilik darjah yang berpusatkan guru ialah

- I sebilangan kecil pelajar menjadi pembantu guru
- II ganjaran ekstrinsik adalah lebih menonjol
- III penglibatan komuniti amat menggalakkan
- IV peraturan bilik darjah mengambil kira pandangan pelajar

- A. I dan II sahaja
- B. I dan III sahaja
- C. II dan III sahaja
- D. III dan IV sahaja

10. Bilik darjah berpusatkan individu memberi penekanan kepada

- I bimbingan
- II kepedulian (*care*)
- III kerjasama
- IV disiplin

- A. I, II dan III sahaja
- B. I, III dan IV sahaja
- C. II, III dan IV sahaja
- D. I, II, III dan IV

11. Yang manakah **TIDAK** berkaitan dengan bilik darjah berpusatkan individu (*person-centred classrooms*) ?

- A. Pengurusan ditentukan oleh guru
- B. Kepimpinan adalah dihargai bersama
- C. Disiplin adalah lebih merupakan disiplin sendiri
- D. Pelajar berperanan dalam menentukan peraturan bilik darjah.

12. Sosialisasi pelajar (*student socialization*) melibatkan

- I sikap dan peribadi pelajar
- II kemahiran pelajar
- III kepercayaan pelajar
- IV jangkauan pelajar

- A. I, II dan III sahaja
- B. I, II dan IV sahaja
- C. II, III dan IV sahaja
- D. I, II III dan IV

13. Intervensi disiplin (*diciplinary interventions*) merupakan

- A. hukuman fizikal yang dikenakan ke atas pelajar
- B. tindakan yang dibuat setelah mendapat maklumbalas daripada pelajar
- C. tindakan yang diambil untuk merubah tingkah laku pelajar yang gagal mematuhi jangkauan guru
- D. hukuman yang dikenakan ke atas kumpulan yang gagal melaksanakan tugas yang diberikan.

14. Peraturan bilik darjah dapat menyumbang kepada yang berikut, **KECUALI**

- A. pembentukan tingkah laku positif dan destruktif di kalangan pelajar supaya perbezaan individu dapat dilayani
- B. pencegahan di kalangan pelajar daripada melakukan perbuatan yang menjejaskan kepentingan masyarakat lain
- C. kesedaran di kalangan pelajar supaya dapat mendisiplinkan diri daripada melakukan perkara-perkara yang boleh merosakkan imej.
- D. peluang kepada pelajar menyedari dan mempelajari tentang pengawalan sendiri dalam menguruskan tingkah laku mereka di dalam bilik darjah

15. Setiap kali pelajar diberi tugas untuk dilaksanakan secara kumpulan, mereka dikehendaki menandatangani borang kontrak persetujuan pelaksanaan aktiviti berkenaan. Ini boleh menjadi satu langkah untuk

- A. memastikan tugas siap dengan cepat
- B. memodifikasikan tingkah laku pelajar
- C. mempertingkatkan kemahiran komunikasi di kalangan ahli kumpulan
- D. memberi hukuman yang sejajar dengan kesalahan boleh dikenakan ke atas pelajar.

16. Pernyataan manakah yang **KURANG** tepat ?

- A. Kejayaan guru menangani masalah tingkah laku pelajar boleh mempengaruhi keberkesanan pembelajaran di dalam bilik darjah
- B. Tumpuan optima terhadap pembelajaran hanya boleh berlaku di dalam bilik darjah yang menekankan disiplin
- C. Tingkahlaku yang destruktif di dalam bilik darjah perlu dikenakan hukuman fizikal
- D. Nilai kejayaan dan sosial dapat menyumbang kepada perkembangan tingkah laku dan akhlak yang baik di kalangan pelajar

17. Peranan guru semasa mengendalikan pengajaran secara kumpulan di dalam bilik darjah ialah sebagai

- I penentu peranan ahli kumpulan
- II pakar rujuk bagi pelajar
- III pemudahcara dan pembimbing
- IV penyelesaian pertingkaan kumpulan

- A. I, II dan III sahaja
- B. I, II dan IV sahaja
- C. II, III dan IV sahaja
- D. I, II, III dan IV

18. Antara kemahiran-kemahiran yang guru perlu ada pada seseorang guru dalam usaha melaksanakan pengajaran kumpulan di dalam bilik darjahnya termasuklah kemahiran-kemahiran yang berkaitan dengan

- I penyelarasan aktiviti-aktiviti
- II pengajaran dan pembelajaran
- III pengajaran pembelajaran koperatif
- IV tingkah laku destruktif

- A. I dan II sahaja
- B. I dan IV sahaja
- C. I, II dan III sahaja
- D. I, III dan IV sahaja

19. Antara berikut, yang manakah merupakan pelajar yang biasanya dikaitkan dengan masalah tingkah laku di dalam bilik darjah ?

- I Pelajar berprestasi rendah
 - II Pelajar yang tiada motivasi untuk belajar
 - III Pelajar daripada keluarga yang kurang beruntung
 - IV Pelajar yang dilabel guru sebagai tidak bertanggungjawab
-
- A. I dan II sahaja
 - B. II dan III sahaja
 - C. I, II dan III sahaja
 - D. II, III dan IV sahaja

20. “Adakah perbuatan kamu itu mengganggu kawan-kawan kamu yang mahu memberikan perhatian kepada apa yang cikgu terangkan?”

Seorang guru menanyakan soalan di atas kepada seorang pelajar yang menunjukkan tingkah laku yang telah mengganggu kawan di sebelahnya ketika guru sedang memberikan penjelasan tentang sesuatu isu penting.

Menurut Model Glasser, soalan itu ditanya apabila guru melaksanakan langkah yang ke

- A. 2
- B. 3
- C. 4
- D. 5

21. Perbezaan antara bilik darjah *traditional* dengan *non-traditional* ialah daripada aspek

- I penggunaan belanjawan
 - II susunan fizikal
 - III kemudahan-kemudahan yang dibekalkan
 - IV kawalan kelas
-
- A. I dan II sahaja
 - B. I dan III sahaja
 - C. I, II dan III sahaja
 - D. II, III dan IV sahaja

22. Antara yang berikut, manakah adalah **BENAR**?

- I Ciri utama kerja kumpulan ialah pelajar menyelesaikan tugas yang berbeza secara bersama
- II Kerja kumpulan memerlukan pelajar bekerja bersama untuk menyelesaikan tugas
- III Kumpulan pelbagai kebolehan dibentuk bagi membantu pengajaran mengikut perbezaan tahap pencapaian pelajar
- IV Kerja kumpulan tidak sesuai dalam pengendalian aktiviti pengayaan atau pemulihan (*enrichment and remedial*)

- A. I dan II sahaja
- B. I dan III sahaja
- C. II dan III sahaja
- D. II dan IV sahaja

23. Mereka yang berpegang kepada teori *student-directed management* percaya bahawa bilik darjah seharusnya menyediakan pelajar dengan kehidupan secara demokrasi yang memerlukan pelajar ini

- I mengawal tingkah lakunya
- II mengambil berat terhadap orang lain
- III membuat keputusan yang bijak
- IV cemerlang dalam akademik

- A. I dan II sahaja
- B. I dan III sahaja
- C. I, II dan III sahaja
- D. I, II, III dan IV

24. Mereka yang menyokong teori *student-directed classroom management* percaya bahawa pelajar

- I bertanggungjawab mengawal tingkah lakunya
- II berhak menentukan masa hadapannya sendiri
- III berkeupayaan mengawal tingkah lakunya jika diberi peluang
- IV berkeupayaan menentukan sendiri kemahiran yang perlu dikuasai

- A. I dan II sahaja
- B. I dan III sahaja
- C. I, II dan III sahaja
- D. I, II, III dan IV

25. Komuniti pembelajaran yang ingin diwujudkan dalam model *student-directed classroom* meliputi
- I bimbingan kepada pelajar supaya menjadi lebih *self-directed*
 - II menjadikan guru sebagai penentu utama dalam membuat pilihan
 - III rasa lebih bertanggungjawab di kalangan pelajar akan tingkah lakunya
 - IV menjadikan pelajar individu yang lebih penyayang kepada rakan dan gurunya
- A. I dan II sahaja
 - B. I dan III sahaja
 - C. I, II dan III sahaja
 - D. I, III dan IV sahaja
26. Yang manakah adalah benar tentang bilik darjah yang diurus secara kolaboratif (*collaborative management*)?
- I Peraturan dan prosedur bilik darjah digubal oleh pelajar
 - II Kawalan tingkah laku pelajar melibatkan kerjasama antara guru dan pelajar
 - III Pelajar berkeupayaan mengawal tingkah laku mereka dengan hanya merujuk kepada peraturan yang ditetapkan
 - IV Pelajar diberi peluang sepenuhnya untuk mengawal tingkah laku untuk menyediakan mereka dengan alam dewasa nanti
- A. I sahaja
 - B. II sahaja
 - C. I, II dan III sahaja
 - D. II, III dan IV sahaja
27. Yang manakah berkaitan dengan bilik darjah yang mengamalkan *teacher-directed management* ?
- A. Teori ini berlandaskan kepada kepercayaan bahawa tingkah laku pelajar sukar diubah walaupun mereka menghayati peraturan yang ditetapkan
 - B. Guru bertanggungjawab menyediakan garis panduan dan peraturan bilik darjah yang dapat mewujudkan persekitaran pembelajaran yang konstruktif
 - C. Satu sistem ganjaran dan hukuman wujud bagi menangani tindakan pelajar dirancang oleh pelajar dan dilaksanakan oleh guru
 - D. Guru pastikan pelajar mematuhi segala peraturan bilik darjah tanpa perlu memahami peraturan berkenaan

28. Yang manakah antara berikut berkaitan dengan struktur pengajaran secara kumpulan?
- I Struktur tak formal dibentuk secara terancang
 - II Peranan pelajar dalam struktur tak formal tidak ditetapkan
 - III Dalam struktur formal, hasil (*outcomes*) yang diharapkan ditentukan lebih awal
 - IV Tidak terdapat prosedur-prosedur khusus yang perlu diikuti dalam struktur formal
- A. I dan III sahaja
 - B. I dan IV sahaja
 - C. II dan III sahaja
 - D. II dan IV sahaja
29. Berikut adalah fungsi penting pengajaran secara kumpulan (*group teaching*) di sekolah **KECUALI**
- A. membolehkan pelajar berdikari
 - B. membolehkan pelajar mengenali dirinya
 - C. membimbing pelajar untuk memahami objektif pelajaran
 - D. memberikan peluang kepada pelajar bekerjasama dalam pasukan
30. Kenyataan yang berkaitan dengan perbincangan rakan sebaya (*peer discussion*) ialah
- I sesuai di peringkat sekolah menengah berbanding dengan sekolah rendah
 - II penglibatan pelajar adalah secara aktif
 - III struktur kumpulan adalah dibentuk secara formal
 - IV pelajar bertanggungjawab sepenuhnya ke atas perbincangan
- A. I dan II sahaja
 - B. II dan IV sahaja
 - C. I, II dan III sahaja
 - D. I, II dan IV sahaja
31. Dalam pengurusan bilik darjah yang *teacher-directed*,
- A. hukuman dan ganjaran jarang dilaksanakan
 - B. hukuman dan ganjaran dilaksanakan secara tekal
 - C. hubungan yang terpenting adalah di antara pelajar dengan pelajar
 - D. pendapat pelajar turut diambil kira dalam menggubal peraturan bilik darjah

32. Yang manakah antara berikut adalah berkaitan dengan kerja secara berpasangan (*pair work*)?

- I Struktur kumpulan yang formal
- II Boleh digunakan untuk mentafsir sesuatu carta
- III Guru mesti hadir tetapi tidak perlu terlibat dalam perbincangan
- IV Perbincangan berlaku dalam tempoh yang tidak lama.

- A. I dan III sahaja
- B. I dan IV sahaja
- C. II dan III sahaja
- D. II dan IV sahaja

33. “Apakah yang telah kamu lakukan sehingga Azmir menjadi begitu marah?”

Mengikut pendekatan Glasser dalam penyelesaian masalah pengajaran dan pembelajaran, soalan di atas sesuai diajukan kepada pelajar dalam langkah

- A. 1
- B. 2
- C. 3
- D. 4

34. “Tidakkah perbuatan kamu itu mengganggu pelajar lain?”

Dalam proses membimbing pelajar menangani masalah yang ditimbulkan atau dihadapinya, tujuan guru menanyakan soalan seperti di atas ialah untuk bantu pelajar

- A. membuat pertimbangan nilai
- B. merasa lebih selesa untuk berbual dan berterus terang
- C. merancang tindakan selanjutnya yang diperakukan oleh guru
- D. memantau kemajuan tindakan yang telah dipersetujui dengan guru

Bagi **soalan 35 hingga 40**, padankan kenyataan yang diberi dengan **A, B, atau C** di mana :


- A . Berkaitan dengan *student-directed classroom management*.**
- B. Berkaitan dengan *collaborative classroom management*.**
- C. Berkaitan dengan *teacher-directed classroom management*”**

- 35. Masa yang dihabiskan dalam mengurus bilik darjah adalah dianggap cukup berharga dan perlu digunakan secara produktif.
- 36. Matlamat pengurusan melibatkan pengurusan bilik darjah dengan baik, efisien, dan berfokuskan akademik.
- 37. Pengurusan bilik darjah melibatkan hubungan yang personal dan saling mengambil berat antara satu sama lain.
- 38. Pelajar berpeluang membuat pilihan berdasarkan pilihan-pilihan yang telah dikenalpasti oleh guru.
- 39. Perbezaan individu amatlah dianggap penting.
- 40. Corak intervensi yang digunakan termasuklah kontrak tingkahlaku, ganjaran dan hukuman.

BAHAGIAN B (30 markah)

Jawab SEMUA soalan pada ruangan jawapan yang disediakan.

1.



Rajah 1

Rajah 1 menunjukkan satu bentuk susunan kedudukan pelajar di dalam bilik darjah.

Huraikan secara ringkas, **DUA (2)** kelebihan susunan seperti ini bagi proses pengajaran dan pembelajaran.

a. _____

b. _____

(6 markah)

2. Huraikan dengan ringkas, **TIGA (3)** tingkah laku positif guru yang dapat menyumbang kepada pengurusan bilik darjah yang berkesan.

a. _____

b. _____

c. _____

(9 markah)

3. Jelaskan **DUA (2)** sebab kenapa guru perlu tahu bagaimana melaksanakan aktiviti kumpulan.

a. _____

- b. _____

(10 markah)

4. Apakah **LIMA (5)** kemahiran yang perlu diberi perhatian oleh seseorang guru bila melaksanakan aktiviti pengajaran secara kumpulan (*group teaching*)?

- a. _____
b. _____
c. _____
d. _____
e. _____

(5 markah)

BAHAGIAN C (30 markah)

Jawab **SEMUA** soalan.

1. (a) Huraikan secara ringkas **EMPAT (4)** faktor yang menjadikan model Glasser amat berguna kepada pendidik di sekolah.

(10 markah)

- (b) Dengan merujuk kepada **SATU (1)** contoh situasi atau masalah yang berlaku di dalam bilik darjah, bincangkan bagaimana seorang guru dapat mengaplikasikan pendekatan Glasser dalam usaha mengurus bilik darjahnya.

(20 markah)